

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dana MARRIS yang disalurkan kepada Sarawak pada tahun 2018-2021. Senaraikan jumlah mengikut agensi yang menerima dana itu.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri atau lebih dikenali sebagai Pemberian MARRIS merupakan ketetapan di bawah Peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri di negeri masing-masing. Pemberian MARRIS ini disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan secara terus kepada Kerajaan Negeri pada setiap bulan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri hendaklah menubuhkan satu Kumpulan Wang bagi memperakaunkan terimaan berkenaan bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri mengguna pakai perundangan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (semakan 1972) (Akta 61) atau mana-mana undang-undang negeri yang berkaitan. Sebagai contoh, semua peruntukan Pemberian MARRIS di Negeri Sarawak yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dikreditkan ke dalam Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri Sarawak yang ditubuhkan di bawah dengan izin, *Financial Procedure (Contigencies and Trust Fund) Ordinance*, 1963.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi tempoh 2018 hingga 2021 yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah 3,240.1 juta ringgit, iaitu penyaluran sebanyak 872.5 juta ringgit pada tahun 2018, 782.2 juta ringgit pada tahun 2019 dan 794.1 juta ringgit pada tahun 2020. Manakala, bagi tahun 2021 pula, peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi maksud ini adalah sebanyak 791.3 juta ringgit. Perbezaan di dalam jumlah Pemberian MARRIS setiap tahun mengambil kira perakuan panjang jalan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia dan juga tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

3. Berhubung perincian pecahan peruntukan yang diterima mengikut agensi di Negeri Sarawak pula, pihak Yang Berhormat boleh merujuk perkara ini dengan Kerajaan Negeri Sarawak kerana segala urusan dan tatacara pengagihan peruntukan kepada agensi-agensi pelaksana di Negeri Sarawak berada di bawah kawalan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak selaku Pegawai Pengawal Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.